



PELBAGAI jenis ikan koi yang dibiakkan di Pusat Pembiakan Nukleus (NBC) IPP Glami Lemi, Jelebu, Negeri Sembilan. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

IPP biak ikan koi bebas penyakit

UM 13/09/23 m/s 32

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

JELERU: Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami-Lemi di sini berjaya membiakkan ikan koi Jepun bebas penyakit sejajar dengan standard yang ditetapkan negara Kesatuan Eopah.

Pegawai Penyelidik, Dr. Chew Poh Chiang berkata, Pusat Pembiakan Nukleus (NBC) IPP Glami Lemi membiakkan ikan koi Jepun yang terdiri daripada pelbagai varieti seperti Kohaku, Sanke, Showa, Ginrin, Doitsu, Ogon, Ochiba, Cagoi, Magoi, Soragoi dan Benigo.

Menurut beliau, kesemua ikan koi tersebut adalah bebas penyakit Koi Herpes Virus (KHV) dan Spring Viraemia of Carp Virus (SVC).

Utusan Malaysia difahamkan, pembiakan ikan koi bebas penyakit itu dilakukan terutama selepas Malaysia disen-

raikan sebagai negara larangan eksport ikan koi ke negara Kesatuan Eropah pada 2008 berikutan ikan berkenaan dikesan dijangkiti KHV yang sekali gus melumpuhkan industri ikan koi negara ini.

"Pihak kami memperoleh akreditasi pensijilan Malaysian Good Agricultural Practise dan Fish Quality Certification (MyGAP/FQC) dan kami bertindak mengagihkan koi bebas penyakit kepada penternak dan juga ladang koi berkelayakan.

"Jabatan Perikanan memang menyasarkan dan menetapkan syarat semua ladang koi yang berdaftar dengan jabatan perlu memperoleh Pensijilan MyGAP yang menggariskan pematuhan syarat-syarat biosekuriti dalam pengeluaran ikan koi.

"Oleh itu, sumber stok ikan koi yang reliable dan bebas penyakit khususnya KHV dan SVC adalah sangat penting dan

merupakan antara syarat yang perlu dipatuhi mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Jelas Poh Chiang, industri ikan hiasan di negara ini termasuk ikan koi sememangnya mempunyai potensi dan nilai pasaran yang cukup besar.

"Ikan koi diperdagangkan sebagai ikan hiasan dan juga untuk pertandingan, harga setiap ikan adalah mengikut gred, mana-mana ikan yang grednya adalah untuk tujuan pertunjukan dan pertandingan, memang harganya tinggi.

"Industri ini semakin berkembang dan banyak pihak seperti kedai ikan hiasan yang mengimport ikan koi tersebut dari Jepun, mereka besarkan ikan tersebut di sini dan turut menyediakan khidmat membina kolam untuk ikan-ikan ini kepada golongan peminat ikan tersebut," tambahnya.